

SOALAN NO : 45

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

**DARIPADA : Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi
[Sungai Besar]**

TARIKH : 22 Mac 2018 (Khamis)

**SOALAN : Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi
[Sungai Besar] minta MENTERI
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
menyatakan apakah pihak Kementerian
telah bersedia untuk mewujudkan
tribunal aduan pesawah bagi
menyelesaikan masalah pemotongan gred
padi di antara pesawah dan pengilang yang
menjadi polemik sehingga menyebabkan
punca pendapatan pesawah berkurangan.**

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan dalam proses mewujudkan Tribunal Aduan Pesawah di mana cadangan struktur dan fungsinya sedang diperkemaskan bagi memastikan Tribunal dapat berperanan dengan cekap dalam mengadili pertikaian kes-kes yang berkaitan dengan pesawah antaranya isu pemutuan padi.

Tribunal ini akan menyediakan satu saluran alternatif kepada pesawah untuk menuntut gantirugi dan pampasan sekiranya terbukti berlaku ketidakadilan dalam proses pemutuan padi.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]**

TARIKH : 22 MAC 2018 (KHAMIS)

SOALAN : 46

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan secara terperinci operasi pencarian MH370 yang disambung semula dan mengapa Kerajaan bekerjasama dengan Ocean Infinity Limited dan bukannya firma lain.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Operasi pencarian dasar laut oleh syarikat Ocean Infinity Limited bagi mengesan kedudukan bangkai (*wreckage*) pesawat MH370 di lokasi seluas melebihi 25,000 kilometer persegi dalam kawasan pencarian utama di Selatan Lautan Hindi berdasarkan prinsip "*no cure no fee*" dalam tempoh 90 hari telah dimulakan pada 22 Januari 2018. Sehingga 11 Mac 2018, operasi pencarian telah meliputi kawasan seluas 24,000 kilometer persegi daripada keseluruhan kawasan pencarian yang telah dikenal pasti. Buat masa ini, tiada sebarang bangkai pesawat ditemui di kawasan pencarian.

Kerajaan telah menerima tawaran daripada 3 buah syarikat yang menyatakan minat untuk menjalankan operasi pencarian dasar laut bagi mengesan bangkai pesawat MH370 di lokasi baru seluas 25,000 kilometer persegi. Tawaran-tawaran tersebut telah diterima dari syarikat Ocean Infinity (United Kingdom), Fugro Survey Pty Ltd (Australia) dan TS Maritime Sdn. Bhd. (Malaysia).

Dalam hubungan ini, Kerajaan memutuskan untuk bekerjasama dengan syarikat Ocean Infinity Limited bagi melaksanakan operasi pencarian dasar laut ini disebabkan oleh beberapa faktor seperti berikut:

- i. Syarikat Ocean Infinity menawarkan untuk melaksanakan operasi pencarian dasar laut berdasarkan prinsip "*no cure no fee*", yang mana Kerajaan Malaysia tidak perlu mengeluarkan sebarang bayaran kepada syarikat ini sekiranya tiada sebarang bangkai

pesawat ditemui dalam tempoh 90 hari operasi pencarian dilaksanakan. Manakala, tawaran yang dikemukakan oleh beberapa syarikat lain bagi tujuan melaksanakan operasi pencarian dasar laut melibatkan kos operasi yang perlu dibayar oleh pihak Kerajaan walaupun tiada jaminan bahawa bangkai pesawat akan ditemui.

- ii. Syarikat Ocean Infinity Limited telah bekerjasama dengan syarikat Swire Seabed daripada Norway yang mempunyai kapakaran tinggi dalam bidang perkapalan dan teknologi maritim dengan peralatan canggih dan krew yang berkemahiran tinggi bagi melaksanakan operasi pencarian dasar laut. Swire Seabed turut mempunyai pengalaman dalam operasi *search and rescue* (SAR) melalui penglibatan secara langsung dengan operasi pencarian pesawat Air France 447 yang terhempas di Lautan Atlantik suatu ketika dahulu.